



BULETIN TITIAN LAKSAMANA

KOTA TINGGI

JANUARI 2018

ربيع الآخر - جمادى الأولى 1439 هـ

I ♥ KOTA TINGGI



Majlis Perasmian Balai Komuniti SS 5, JPP Zon 2, Taman Sri Saujana



MAJLIS PERASMIAN BALAI KOMUNITI

PADA 6 JANUARI 2018 telah diadakan Majlis Perasmian Balai Komuniti SS 5 JPP Zon 2, Taman Sri Saujana. Balai Komuniti ini telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Datoq Halimah Binti Mohamed Sadique, Timbalan Menteri Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan Merangkap Ahli Parlimen Tenggara. Balai Komuniti ini telah siap dibina pada hujung tahun 2016.



PROGRAM MESRA RAKYAT DAN SAMBUTAN TAHUN BARU CINA 2018

PADA 10 MAC 2018, Program Mesra Rakyat dan Sambutan Tahun Baru Cina 2018 telah diadakan di Perkarangan Gerai Muafakat Johor, Jalan Jaafar, Kota Tinggi. Program ini dirasmikan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Asiah Binti Md Ariff, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga, Dan Masyarakat Negeri Johor Merangkap ADUN Johor Lama. Terdapat pelbagai persembahan yang dipersembahkan ketika program tersebut seperti Tarian Singa, Tarian Yoyo, Keroncong dan Gimik Pelancar. Sebelum berakhirnya program tersebut, tetamu-tetamu jemputan dan Ahli Majlis menyampaikan sumbangan duit raya kepada kanak-kanak.



PROGRAM *Sembang Pagi* ZON TIMUR SIRI 4 2018

PROGRAM SEMBANG PAGI ZON TIMUR SIRI 4/2018 merupakan anjuran bersama di antara Unit Integriti, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor dan Majlis Daerah Kota Tinggi yang berlangsung di Dewan Jubli Intan Sultan Isahim, Kota Tinggi pada 15 Mei 2018. Ucapan sitaan telah disampaikan oleh Encik Md. Rozamusiadi bin Roslan, Ketua Unit Integriti, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor. Program ini telah dirasmikan oleh Tuan Haji Muhammad Fidha Bin Dato' Haji Abd Kadir, Pegawai Daerah Kota Tinggi. Tajuk sembang pagi yang dirasmikan ialah "Menzahirkan Nilai Mahmudah Dalam Diri" dan sesi soal jawab mengakhiri program tersebut.



MAJLIS SAMBUTAN MAULIDUR RASUL PERINGKAT MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI 1439H/2018M.



PROGRAM ZON BERSIH DAN LESTARI 'CAR FREE ZONE' KOTA TINGGI anjuran bersama Pejabat Belia Dan Sukan Daerah Kota Tinggi diadakan pada 4 Februari 2018. Terdapat aktiviti Senaman Aerobik, Berbasikal 'Fun Ride', dan Berjalan Kaki 10 Ribu Langkah. Program ini berlangsung di Aastaka Budaya, Laman Tun Sri Lanang, Kota Tinggi.

PROGRAM ZON BERSIH DAN LESTARI 'CAR FREE ZONE' KOTA TINGGI





IKRAR BEBAS RASUAH PERINGKAT DAERAH KOTA TINGGI

MAJLIS IKRAR BEBAS RASUAH PERINGKAT DAERAH KOTA TINGGI telah diadakan pada 5 Februari 2018 di Dewan Jubli Intan Sultan Ibrahim, Kota Tinggi. Setelah ketibaan kakitangan jabatan Daerah Kota Tinggi, majlis diteruskan dengan Taklimat Integriti Bebas Rasuah yang disampaikan oleh Pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia Cawangan Johor. Ucapan alu-aluan telah disampaikan oleh Tuan Haji Muhammad Ridha Bin Dato' Haji Abd Kadir, Pegawai Daerah Kota Tinggi. Majlis diteruskan lagi dengan ucapan oleh Yang Berbahagia Dato' Azmi Bin Haji Alias, Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia Cawangan Negeri Johor dan ucapan perasmian oleh Yang Berhormat Dato' Haji Azmi Bin Rohani, Setiausaha Kerajaan Negeri Johor. Bacaan Ikrar Integriti dibacakan oleh semua tetamu yang diketuai oleh Ketua Penolong Pegawai Daerah Kota Tinggi dan sesi menandatangani bebas rasuah dilakukan bagi mengakhiri majlis tersebut.



LAWATAN TUAN YDP MDKT KE HWA THAI

